

Pemuda UMNO serah RM1 juta bantu rakyat Palestin, Lebanon

KUALA LUMPUR 4 Ogos - Pergerakan Pemuda UMNO hari ini menyampaikan sumbangan orang ramai berjumlah RM1 juta kepada Tabung Bantuan Asia Barat TV3, bagi membantu rakyat Palestin dan Lebanon yang menjadi mangsa kekejaman Israel.

Ketuanya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, wang tersebut merupakan baki hasil kutipan tabung-tabung bantuan yang ditubuhkan pergerakan itu sebelum ini.

"Inibukan duit Pemuda UMNO. Ini duit rakyat iaitu baki kutipan yang kita dapat daripada tabung-tabung yang kita tubuhkan pada masa lalu sejak tabung kemanusiaan Chechnya lagi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyerahkan cek sumbangan tersebut kepada Pengarah Operasi TV3, Anthony Firdaus Bujang di ibu pejabat pergerakan itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Hishammuddin berkata, orang ramai yang berkemampuan perlu terus mengulurkan bantuan bagi membantu meringankan kesengsaraan rakyat negara itu.

Mengenai lawatan Pemuda Barisan Nasional (BN) ke beberapa negara bagi men-

dapat sokongan antarabangsa menghentikan kekejaman Israel, beliau berkata, ia telah bermula sejak semalam dengan lawatan ke India.

Rombongan ke India, katanya, diketuai Ketua Pemuda MIC, S. Vigneswaran dan lapan yang lain, manakala Pemuda UMNO akan melawat negara-negara Asia Barat dan Pemuda MCA ke Filipina dan China.

Beliau menambah, Pemuda Malaysia dan Indonesia tidak akan berhenti daripada memberi tekanan kepada Israel dan sekutunya, sehingga serangan ke atas Lebanon dan Palestin dihentikan serta-merta.

Sementara itu, Wakil Komite Nasional Pemuda Indonesia (KNPI) Ariff Jamaluddin yang turut hadir pada majlis penyampaian sumbangan itu berkata, KNPI akan turut membantu meraih sokongan antarabangsa untuk menggesa Israel menghentikan kekejaman terhadap rakyat Lebanon.

"Pemuda Indonesia sepakat dengan Pemuda Malaysia untuk bersama-sama membantah kekejaman Israel itu," katanya.

Beliau menambah, KNPI turut mengadakan kempen 'Satu Orang Satu Dolar' mengutip sumbangan untuk disumbangkan kepada tabling kemanusiaan Asia Barat